



PEMAKLUMAN TERKINI

2 OKTOBER 2020

PENDAFTARAN PELAJAR BAHARU DAN PELAJAR SEDIA ADA SEMESTER 1 SIDANG AKADEMIK 2020/2021

Pihak Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) amat prihatin dengan situasi semasa dan memandang serius akan peningkatan kes positif COVID-19 di serata Malaysia. Ingin ditegaskan, Kenyataan Rasmi yang telah dikeluarkan oleh pihak UniMAP bertarikh 30 September 2020 masih terpakai.

Namun, merujuk kepada kenyataan media Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) pada 2 Oktober 2020, pihak Pengurusan Universiti telah memutuskan untuk **MENANGGUHKAN SEMENTARA** kehadiran **SEMUA PELAJAR** secara fizikal ke kampus UniMAP sehingga pengumuman seterusnya dikeluarkan.

- (1) Semua pelajar baharu dan sedia ada perlu mendaftar dan mengikuti kursus secara dalam talian sehingga ke satu tarikh yang akan dimaklumkan berasaskan perkembangan terkini COVID-19 dari semasa ke semasa.
- (2) Minggu Suai Kenal (MSK) untuk pelajar baharu Ijazah Sarjana Muda Semester 1 Sidang Akademik 2020/2021 akan dijalankan secara dalam talian.
- (3) Pelajar yang telah hadir ke kampus disarankan untuk terus kekal berada di kampus dan mematuhi Prosedur Operasi Standard (SOP).
- (4) Pelajar-pelajar yang tidak mempunyai akses/capaian internet yang memuaskan di kediaman masing-masing boleh dipertimbangkan untuk hadir ke kampus untuk tujuan mengikuti pengajaran dan pembelajaran (PdP) secara dalam talian kecuali bagi pelajar-pelajar dari lokasi Zon Merah.
- (5) Pelajar-pelajar dari Sabah dan Sarawak atau dari negeri lain yang telah membuat

pembelian tiket penerbangan sebelum atau pada 2 Oktober 2020 untuk hadir ke kampus, boleh menghubungi pihak Pusat Pembangunan dan Perkhidmatan Pelajar untuk tindakan selanjutnya.

Maklumat terkini berkenaan pelaksanaan PdP Semester 1 Sidang Akademik 2020/2021 akan dimaklumkan dari semasa ke semasa.

Semua pelajar diingatkan untuk sentiasa peka terhadap sebarang pemakluman terkini dan mematuhi arahan ditetapkan dalam menangani pandemik COVID-19.

Untuk sebarang pertanyaan lanjut, sila hubungi mana-mana Pusat Tanggungjawab berikut:

Pusat Tanggungjawab	Nombor Telefon
Unit Kemasukan dan Rekod Pelajar, Bahagian Pengurusan Akademik, Pusat Pengurusan Akademik	010 – 8698727
Bilik Gerakan Bencana	011-622 70316
Pusat Pembangunan dan Perkhidmatan Pelajar	012-3517751/ 04-9885819
Fakulti Sains Gunaan & Kemanusiaan	04-9797707
Fakulti Teknologi Kejuruteraan Mekanikal	04-9885033
Fakulti Teknologi Kejuruteraan Elektrik	04-9885603
Fakulti Teknologi Kejuruteraan Elektronik	019-4464645
Fakulti Teknologi Kejuruteraan Kimia	04-9798751
Fakulti Teknologi Kejuruteraan Awam	04-9798626

Naib Canselor

UNIVERSITI MALAYSIA PERLIS

2 Oktober 2020